



# Alternatif pembiayaan pendidikan

Kosmo m/s 26 3/4/07

Beban kewangan tidak seharusnya menjadi penghalang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Oleh JOHANNA A. SOBREY  
johanna@kosmo.com.my

**D**I MALAYSIA, dasar pembiayaan pendidikan di peringkat rendah, menengah dan tinggi datang dari kerajaan pusat dan disalurkan melalui Kementerian Pelajaran (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Namun, senario di negara-negara asing jauh berbeza. Di AS contohnya, sebanyak 43.8 peratus dasar pembiayaan pendidikan datang dari kerajaan tempatan, manakala kerajaan negeri menyumbangkan 48.8 peratus dan kerajaan pusat hanya 6.8 peratus.

Sementara itu, kerajaan tempatan dan pusat membiayai pendidikan di United Kingdom.

"Begitu juga di negara-negara lain seperti Australia, Indonesia, Thailand dan Singapura di mana kerajaan negeri, tempatan dan pihak swasta adalah penyumbang utama dalam membiayai pendidikan di negara mereka," kata Timbalan Dekan (Pembangunan dan Penyelidikan) Fakulti Pendidikan Universiti Malaya (UM), Prof. Dr. Shahril@Charil Marzuki dalam syarahan per-

dana beliau yang bertajuk *Dasar dan Alternatif Pembiayaan Pendidikan di Malaysia: Satu Saranan dan Cadangan*.

Dipengerusikan oleh pensyarah Jabatan Sejarah (UM), Prof. Emeritus Datuk Dr. Khoo Kay Kim, syarahan perdana yang berlangsung di Fakulti Pendidikan UM itu membincangkan dasar kerajaan terhadap pembiayaan pendidikan negara, isu dan cabaran yang dihadapi serta alternatif pembiayaan yang boleh dilaksanakan.

"Pada tahun 2000, Kementerian Pelajaran telah menerima peruntukan sebanyak RM14.08 bilion atau 18.04 peratus daripada jumlah peruntukan belanjawan sektor awam dan mengikut belanjawan tahun ini, kerajaan pusat telah memberi peruntukan sebanyak RM33.4 bilion kepada kementerian yang sama.

"Manakala mengikut Rancangan Pembangunan Pendidikan (dari tahun 2001 hingga 2010), kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM7.5 bilion bagi pendidikan prasekolah, sekolah rendah dan menengah dan bagi pendidikan teknikal, sebanyak RM343 juta telah dibelanjakan," kata Shahril lagi.

Shahril yang mempunyai bidang ke-



PARA hadirin mendengar dengan teliti syarahan yang disampaikan.

pakaran dalam pentadbiran, pembiayaan, perancangan dan ekonomi pendidikan berkata, pertambahan kemasukan pelajar dan kos barang serta perkhidmatan setiap tahun menyebabkan peruntukan belanja mengurus, pembangunan dan penyelenggaraan dari kerajaan pusat kepada sekolah rendah sehingga pusat-pusat pengajian tinggi adalah tidak mencukupi.

"Ditambah pula dengan sumber pendapatan dan kewangan kerajaan pusat akan berkurangan pada masa akan datang disebabkan keadaan ekonomi global yang tidak menentu dan sumber asli yang kian berkurangan," katanya.

Sungguhpun demikian, Shahril memaklumkan dasar kerajaan untuk me-

astikan sektor pendidikan yang besar berbanding sektor sosial dan keselamatan kerana ia dianggap sebagai perbelanjaan pelaburan kepada modal insan dalam melahirkan pekerja-pekerja mahir pada masa hadapan.

Di samping itu, tujuan lain ialah demi memenuhi hasrat kerajaan bagi mencapai aspirasi Wawasan 2020 dan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecermilangan pendidikan di rantau ini.

Kata beliau, ini jelas dilihat melalui peruntukan yang disalurkan kerajaan melalui Rancangan Malaysia ke-8 (RMK-8) dan ke-9 (RMK-9).

"Dalam RMK-8, sektor pendidikan dan latihan menerima 47.8 peratus daripada jumlah keseluruhan, manakala

Kosmo m/s 27 3/4/07



SHAHRI@CHARIL MARZUKI



MEREKA yang berada di peringkat rendah dan menengah kurang menerima subsidi berbanding pelajar asrama penuh.



sektor kesihatan menerima 10.4 peratus, perumahan (7.6 peratus), pertahanan (18.9 peratus) dan keselamatan dalam negeri (5.2 peratus).

"Manakala itu, dalam RMK-9, sektor pendidikan menerima 42.7 peratus berbanding kesihatan (11.1 peratus), perumahan (10.3 peratus) dan pertahanan (15.8 peratus)," kata Shahril sambil menekankan sungguhpun sektor pendidikan menerima peruntukan yang lebih rendah berbanding sebelum ini, nilai yang diterima masih jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan sektor-sektor lain.

Berdasarkan sumber Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan, 1994 dan Berdasarkan UEM

yang dilatip daripada ibu bapa bagi

pendidikan 1994 dan Bendahari UM 1998, Shahril memaklumkan kos setiap pelajar bagi pendidikan rendah ialah RM958, menengah (RM1,410), asrama penuh (RM6,428), teknik dan vokasional (RM3,080) dan tinggi (RM11,773.75) setahun.

"Ini menunjukkan kerajaan banyak memberi subsidi kepada pelajar-pelajar berasrama penuh berbanding mereka yang berada di peringkat rendah dan menengah," kata Shahril.

Beliau menyarankan agar pendidikan rendah dan menengah ditambah peruntukan mereka kerana berdasarkan kajian-kajian yang dilaksanakan oleh Bank Dunia pada tahun 1985, pulangan pelaburan yang lebih tinggi diterima di tahap tersebut berbanding peringkat pendidikan tinggi.

Selain itu, Shahril memberitahu, walaupun pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) membayar yuran universiti, namun kerajaan menanggung kos melebihi 80 peratus di samping perbelanjaan operasi dan pembangunan IPTA setiap tahun.

Menurut Pembangunan Pendidikan tahun 2001 hingga tahun 2010: Perancangan Bersepadu, isu dan cabaran utama dalam pembiayaan pendidikan di Malaysia termasuk pertambahan pelajar di sekolah rendah, menengah dan tinggi.

"Pertambahan penduduk menyebabkan pembiayaan pendidikan semakin meningkat dan mewujudkan cabaran kepada kerajaan pusat untuk terus menyediakan jumlah peruntukan yang lebih besar.

"Ini bagi memastikan capaian, ekuiti, kualiti dan pendemokrasian pendidikan terus dicapai," kata Shahril.

Seterusnya ialah mewujudkan sistem pendidikan berkualiti dengan meningkatkan sumber dan jumlah pembiayaan bagi pelaksanaan program-program pendidikan seperti perluasan beberapa program utama kementerian seperti pendidikan teknikal, penekanan terhadap bidang sains dan teknologi dan keperluan menyedia serta meningkatkan pelbagai kemudahan di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan.



**PERTAMBAHAN penduduk menyebabkan pembiayaan pendidikan semakin meningkat.**

Sumber pembiayaan terhad juga merupakan cabaran yang dihadapi dalam sektor pendidikan.

"Didapati peruntukan kewangan tahunan dan Rancangan Pembangunan Lima Tahun yang diterima daripada Perbendaharaan Malaysia lebih rendah daripada perbelanjaan yang disediakan oleh KPM.

"Contohnya, anggaran RMK-8 yang disediakan oleh kementerian ialah RM49.5 bilion tetapi amaun yang diterima adalah sebanyak RM18.7 bilion. Ini mewujudkan keadaan di mana KPM perlu menentukan keutamaan pada aktiviti yang dirancang agar peruntukan digunakan secara cekap dan berkesan," maklum Shahril.

Shahril berkata, cabaran lain ialah badan-badan berkanun di bawah KPM seperti Institut Terjemahan Negara (IT-NM), Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) belum berupaya menjana pendapatan dan terus bergantung kepada kementerian bagi membiayai perbelan-

jaan mengurus dan pembangunan.

"Kos pengurusan pendidikan tinggi dijangkakan terus meningkat dengan pertambahan bilangan pelajar dan dasar pembesaran IPTA.

"Oleh yang demikian, kerajaan harus menggalakkan IPTA terlibat dalam aktiviti menjana pendapatan melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta khidmat runding dengan kerjasama pihak industri dan swasta," kata Shahril.

Menyedari hal beban pembiayaan yang ditanggung dan kian meningkat, beliau menyarankan dan mencadangkan beberapa alternatif pembiayaan pendidikan di negara ini.

Pembiayaan pendidikan oleh masyarakat adalah bentuk alternatif yang memberi lebih kuasa kepada kumpulan masyarakat memperbaiki sistem pembiayaan pendidikan.

"Contohnya di Tanzania di bawah Dana Pendidikan Komuniti (CEF) dan Pakistan, ahli jawatankuasa yang dilantik akan menentukan sejumlah bilangan

yang dikutip daripada ibu bapa bagi membiayai projek sekolah dan kutipan wang ini dimasukkan ke dalam bank.

"Kerajaan akan memberikan sejumlah peruntukan berdasarkan jumlah yang disumbangkan oleh masyarakat (*matching grant*)," kata Shahril sambil memaklumkan perkara tersebut dilaksanakan di sekolah bantuan modal dan bukan di sekolah kerajaan lain.

Selain 'perkongsiian pintar' di peringkat sekolah melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), masyarakat setempat dan dunia korporat dalam pelbagai bentuk seperti sumber kewangan, alatan dan barangan turut membantu membiayai dan membangunkan sekolah-sekolah di negara ini.

Penyaluran bantuan pendidikan oleh kerajaan negeri dan tempatan seperti yang diamalkan di AS, UK, Brazil, India, Mexico dan Nigeria turut membantu mengurangkan beban kerajaan pusat.

"KPM menyalurkan peruntukan kepada sekolah awam dan kerajaan tempatan tidak memainkan peranan dalam membiayai pendidikan di kawasan mereka.

"Oleh itu, disarankan kerajaan tempatan memainkan peranan yang lebih penting dalam menyalurkan bantuan kewangan di sekolah-sekolah di bawah kawasan pentadbiran mereka," kata Shahril.

Menekankan beban kewangan tidak seharusnya menjadi penghalang kepada peluang melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi, terdapat beberapa sumber kewangan yang berupaya membantu pelajar.

Antaranya ialah pemberian biasiswa oleh kerajaan, badan berkanun atau pihak swasta, pinjaman, bantuan kewangan keluarga dan simpanan sendiri.

"Melalui pelbagai alternatif pembiayaan pendidikan seperti yang dicadangkan ini, maka beban dan peruntukan kerajaan pusat terhadap pendidikan negara dapat dikurangkan. Peruntukan yang dikurangkan ini dapat disalurkan kepada kementerian-kementerian lain bagi pembangunan rakyat," ujar Shahril.